



جائتہ کما جوان اسلام ملیسیا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PELAN TINDAKAN STRATEGIK

PEMBANGUNAN MODAL INSAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

2021 - 2025

<http://www.islam.gov.my>



PELAN TINDAKAN STRATEGIK

PEMBANGUNAN MODAL INSAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

2021 - 2025

KANDUNGAN

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	KATA ALU–ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM	3–4
	BAB 1: PENDAHULUAN	
	RINGKASAN EKSEKUTIF	6
	OBJEKTIF	7
	PROFIL JABATAN	8
	MISI, VISI DAN MOTO JAKIM	9
	FUNGSI JAKIM	10
	PELAN STRATEGIK JAKIM	11–12
	NILAI TERAS JABATAN	13
	BAB 2: SENARIO PERSEKITARAN	
	PEMBANGUNAN MODAL INSAN	14
	ISU DAN CABARAN	15–16
	ANALISIS SWOT	16
	BIDANG TERAS JABATAN	17
	ANALISA KEPERLUAN	18–21
	BAB 3: STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN	
	TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK	22–39
	BAB 4: IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN	
	MEKANISME PELAKSANAAN	42–43
	TANGGUNGJAWAB	44–45
	BAB 5: PENUTUP	
	PENUTUP	47

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kata Alu-aluan
**KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
(JAKIM)**

السلام عليكم



Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya buku Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan JAKIM ini dapat dihasilkan

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI) JAKIM yang telah berjaya menyiapkan buku Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan JAKIM ini. Pelan Tindakan Strategik ini merupakan dokumen dasar yang menjadi panduan dalam pengurusan pembangunan modal insan JAKIM secara komprehensif.

Pelan Tindakan Strategik ini merupakan *blue print* pengurusan modal insan yang diharapkan dapat menyokong strategi-strategi lain yang telah digariskan dalam Pelan Strategik JAKIM 2019 – 2025. Dalam pelan tersebut, beberapa cabaran pengurusan modal insan sama ada cabaran dalaman atau luaran akan cuba ditangani secara bersama oleh semua pihak khususnya peringkat dalaman di JAKIM, selain berusaha mendapatkan sokongan dan bantuan agensi-agensi lain dalam merealisasikan hasrat berkenaan secara kerjasama strategik.

Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan ini mengenal pasti lima (5) teras strategik yang perlu dilaksanakan dengan penuh iltizam oleh semua pihak yang terlibat. Pelan ini dibangunkan berteraskan kepada maqasid syariah dan mengambil kira peranan warga JAKIM yang berperanan besar kepada pemeliharaan kesucian agama Islam dan pembangunan ummah keseluruhannya. Perkhidmatan Hal Ehwal Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran yang perlu ditangani dengan bijaksana dan sistematik serta dengan pendekatan dan kerjasama strategik. Pengurusan perubahan yang berlaku hendaklah dibuat secara komprehensif dan berkesan. Oleh yang demikian, usaha berterusan harus juga dilakukan untuk menambahbaik pelan ini sesuai dengan keperluan dan cabaran baharu.

Pengurusan modal insan sangat penting dan selari dengan inisiatif kerajaan yang sentiasa mengiktiraf modal insan sebagai daya penggerak transformasi. Keupayaan dan kebolehan modal insan perlu lebih dinamik, kompeten dan unggul untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam menyempurnakan misi dan visi organisasi.

Pelaksanaan pelan ini diharap dapat meningkatkan tahap profesionalisme, hikmah, integriti dan semangat kerja berpasukan dalam kalangan pegawai dan anggota kumpulan pelaksana serta mewujudkan budaya organisasi yang cemerlang dan berupaya memacu JAKIM ke peringkat yang lebih gemilang.

Semoga semua pihak yang terlibat dapat memainkan peranan masing-masing dengan berkesan dalam merealisasikan Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan bagi mencapai visi dan misi JAKIM.

Sekian, terima kasih.


Datuk Abdul Aziz bin Jusoh
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جايتم كمالوان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BAB 1: ***PENDAHULUAN***

PELAN TINDAKAN STRATEGIK
PEMBANGUNAN MODAL INSAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
2021 - 2025



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan 2021-2025 ini digubal selaras dengan Pelan Strategik JAKIM 2019-2025. Pelan tindakan Strategik ini memberi fokus kepada Teras 6: Membudayakan Tadbir Urus Organisasi Berlandaskan Nilai Kesopanan, Keprihatinan dan Kepedulian Ke Arah Merakytatkan Perkhidmatan Awam. Ia juga mengambil kira dasar-dasar perkhidmatan awam yang telah diputuskan oleh pemegang taruh (*stakeholders*) berkaitan peningkatan kompetensi Pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam agar selari dengan misi, visi dan objektif JAKIM.

Pelan ini mengandungi latar belakang jabatan, hala tuju strategik dan pelan tindakan bagi memberi gambaran secara menyeluruh mengenai perancangan strategik pembangunan modal insan JAKIM untuk tempoh lima (5) tahun mulai 2021-2025.

Bagi merealisasikan Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan JAKIM, sebanyak lima (5) teras strategik telah digariskan, iaitu:



Pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan ini akan dipantau secara berkala melalui mekanisme yang telah ditetapkan.

Dalam tempoh pelaksanaan tersebut, penilaian dan kajian semula akan dibuat bagi menentukan strategi, program dan tahap pencapaian sasaran benar-benar berkesan.

OBJEKTIF

Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan 2021-2025 ini diwujudkan bagi menetapkan hala tuju dan rangka kerja JAKIM dalam pembangunan Modal Insan bagi tempoh lima tahun.

Secara umumnya, Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan ini dibangunkan bagi mencapai objektif berikut

- 1** MENYEDIAKAN GARIS PANDUAN DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN SELARAS DENGAN OBJEKTIF, MISI DAN VISI JAKIM 
- 2** MENETAPKAN HALA TUJU STRATEGIK DALAM PENGURUSAN MODAL INSAN JAKIM AGAR LEBIH EFEKTIF, EFISIEN DAN GLOBAL 
- 3** MELAHIRKAN MODAL INSAN JAKIM YANG KOMPETEN DAN BERDAYA SAING BAGI MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JABATAN 

PROFIL JABATAN

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan agensi penyelarasan di peringkat pusat dalam pembangunan pendidikan, penyeragaman undang-undang Islam dan pentadbiran hal ehwal Islam di Malaysia. Penubuhan JAKIM adalah selaras dengan Perkara 3 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa “Islam adalah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.”

Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Senarai II (Senarai Negeri) pula menjelaskan bahawa perkara berkaitan Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri. Justeru, penubuhan JAKIM sebagai agensi penyelarasan di peringkat persekutuan adalah bagi menyelaraskan segala urusan berkenaan pengurusan hal ehwal Islam di seluruh negara.

Penglibatan Kerajaan Pusat dalam urusan pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini bermula apabila Majlis Raja-Raja dalam persidangannya kali ke-81 pada 17 Oktober 1968 telah bersetuju menubuhkan sebuah badan bagi menyelaraskan pentadbiran agama Islam di seluruh negara. Badan ini telah dirasmikan penubuhannya pada 1 Julai 1969 dengan nama Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Barat. Badan ini kemudian ditukar namanya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 17 Jun 1971 apabila Sabah dan Sarawak menjadi ahli.

Serentak dengan penubuhan MKI pada 1 Julai 1969, sebuah urus setia kepada Majlis ini turut diwujudkan. Urus setia berkenaan yang mulanya beroperasi di Pejabat Perdana Menteri telah melalui proses pengembangan dan transformasi selaras dengan situasi semasa dan keperluan negara.

Pada 1 Februari 1974, Urus Setia MKI ini dinaik taraf menjadi Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri. Pada 21 Mei 1985 bersamaan 1 Ramadan 1405, Bahagian ini ditukar namanya kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri.

Seterusnya, pada 1 Januari 1997, bahagian ini dinaik taraf sebagai sebuah jabatan dengan nama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri.

¹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *4 Dekad Jakim*, hal. 14.

² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *4 Dekad Jakim*, hal. 35.

MISI, VISI DAN MOTO JAKIM

JAKIM



VISI

Peneraju Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia

MISI

Memperkukuh Tadbir Urus Hal Ehwal Islam melalui Pendekatan Rahmah ke Arah Kesejahteraan Ummah

MOTO

Berwibawa dan Berhikmah

FUNGSI JAKIM

1 PERUNDANGAN ISLAM

- MENYERAGAMKAN UNDANG-UNDANG ISLAM DAN PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA; DAN
- MENGUBAL DRAF AKTA UNDANG-UNDANG ISLAM BAGI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN.

2 PENDIDIKAN ISLAM

- MEMANTAPKAN PENYELARASAN PENGURUSAN PENDIDIKAN ISLAM DI PERINGKAT NEGERI DAN PERSEKUTUAN; DAN
- MELAHIRKAN PARA HUFFAZ YANG BERKUALITI BAGI MENYOKONG PROGRAM DAKWAH.

3 PENTADBIRAN ISLAM

- MERANCANG DAN MENYELARASKAN PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM DI PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI;
- MENGUBAL DASAR DAN MENENTUKAN HALA TUJU KEMAJUAN ISLAM DI MALAYSIA.
- MENJADI AGENSI RUJUKAN, PENGIKTIRAFAN, PENARAFAN DAN KHIDMAT NASIHAT BERKAITAN ISLAM;
- MELAKSANAKAN PROGRAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN BERKAITAN HAL EHWAL ISLAM;
- MEMELIHARA PEGANGAN DAN PENGHAYATAN AKIDAH UMAT ISLAM BERDASARKAN AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH DARIPADA SEBARANG BENTUK PENYELEWENGAN;
- MENYEDIAKAN PANDANGAN HUKUM DALAM BENTUK FATWA SERTA MENYERAGAMKANNYA ANTARA NEGERI;
- MENGUKUHKAN KERJASAMA STRATEGIK HAL EHWAL ISLAM DI PERINGKAT SERANTAU DAN ANTARABANGSA;
- MENGUKUHKAN UKHUWAH DAN PERPADUAN DALAM KALANGAN UMAT ISLAM;
- MENYEBARLUASKAN DAKWAH ISLAMIAH DI KALANGAN MASYARAKAT;
- MENGUKUHKAN INSTITUSI KELUARGA DAN KOMUNITI ISLAM;
- MENERAJUI PENGURUSAN HALAL DI PERINGKAT DOMESTIK DAN ANTARABANGSA; DAN
- MEMPERKASAKAN KEUPAYAAN MODAL INSAN JAKIM DAN PERKHIDMATAN HAL EHWAL ISLAM DI PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI.



PELAN STRATEGIK JAKIM

JAKIM telah membangunkan Pelan Strategik JAKIM 2019 – 2025 bagi memantapkan keupayaan organisasi dan kemampuan seluruh warga kerjanya. Pelan Strategik JAKIM ini digubal selaras dengan visi JAKIM untuk menjadi Peneraju Kecemerlangan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia.

Pada dasarnya, Pelan Strategik JAKIM mendukung Objektif Ketiga Wawasan Kemakmuran Bersama 2030: Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah melalui integriti dan Tadbir Urus yang baik. Ia juga menterjemahkan maksud Teras Strategik Ketiga WKB 2030: Transformasi Modal Insan, yang merujuk kepada komitmen Kerajaan untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui peningkatan kualiti tenaga kerja di semua peringkat.

Secara khususnya di peringkat jabatan, Pelan Strategik JAKIM diwujudkan bagi menetapkan hala tuju dan rangka kerja JAKIM seiring dengan matlamat negara untuk memantapkan imej dan kualiti perkhidmatan awam ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara. Pelan strategik ini akan menjadikan JAKIM lebih efisien dan responsif dalam memberikan perkhidmatan kelas pertama dengan membudayakan konsep ketelusan, akauntabiliti dan integriti. Ia juga untuk memperkukuh fungsi dan peranan JAKIM seperti yang ditetapkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)

Bagi merealisasikan visi dan misi JAKIM, sebanyak tujuh (7) Teras Strategik telah digariskan di dalam Pelan Strategik JAKIM 2019 - 2025, iaitu:



PELAN STRATEGIK JAKIM

TERAS 3

Membina keperibadian unggul melalui pemerkasaan sistem pendidikan Islam ke arah kesejahteraan ummah

TERAS 4

Memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara inklusif bagi melahirkan masyarakat yang berakhlak;

TERAS 5

Mengukuhkan rangka kerja dan inisiatif halal ke arah mengekalkan Malaysia sebagai peneraju halal global;

TERAS 6

Membudayakan tadbir urus organisasi berlandaskan nilai kesopanan, keprihatinan dan kepedulian ke arah merakyatkan perkhidmatan awam; dan

TERAS 7

Meningkatkan keupayaan sosioekonomi umat Islam menerusi penyelarasan polisi yang komprehensif dan inklusif.

NILAI BERSAMA JABATAN

Warga JAKIM berpegang kepada lima (5) Nilai Bersama dalam melaksanakan misinya ke arah pencapaian visi yang ditetapkan. Lima (5) nilai tersebut adalah seperti berikut:





إِيتَان كَمَا جَوَان إِسْلَام مَلِيسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BAB 2: SENARIO PERSEKITARAN

**PELAN TINDAKAN STRATEGIK
PEMBANGUNAN MODAL INSAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
2021 - 2025**



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Modal Insan merupakan aset yang terpenting dalam sesebuah Jabatan. Pembangunan Modal Insan yang berkemahiran dan berkompotensi tinggi amat penting bagi memastikan fungsi dan peranan JAKIM dapat dilaksanakan dengan baik khususnya bagi menangani pelbagai keperluan dan cabaran semasa serta akan datang.

Kepentingan dalam menyediakan pegawai yang kompeten dan berprestasi tinggi bukan sahaja dari segi ilmu pengetahuannya, tetapi juga dengan memiliki sahsiah diri yang mulia, bersikap kolektif dan bersatu hati dalam perkhidmatan, berbudaya kerja cemerlang, berkemahiran, berfikiran maju dan berpandangan jauh.

Oleh yang demikian, JAKIM merangka Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan ini untuk menyediakan modal insan yang kompeten dan berprestasi tinggi serta memiliki nilai tambah yang diperlukan pada masa ini dan pada masa hadapan untuk digemblengkan ke arah mencapai matlamat dan objektif serta misi Jabatan.

ISU DAN CABARAN

Isu dan cabaran utama JAKIM adalah membangunkan modal insan yang mempunyai kompetensi yang diperlukan, berprestasi tinggi dan mampu mendukung visi dan misi JAKIM bagi menangani isu dan cabaran dalam Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia. Strategi pengurusan hal ehwal Islam yang telah dilaksanakan adalah memfokuskan kepada maqasid syariah khususnya *Hifz al-Din* iaitu pemeliharaan agama Islam yang menjadi rahmatan lil 'alamin.

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN JAKIM YANG KOMPETEN DAN BERPRESTASI TINGGI BAGI MENANGANI ISU DAN CABARAN BERIKUT:

MENYERAGAMKAN
UNDANG-UNDANG ISLAM
DAN FATWA

MELAKSANAKAN DASAR
ISLAM YANG
MENYELURUH

MENGUKUHKAN
JARINGAN KERJASAMA
DAN UKHUWAH

MEMUPUK PERPADUAN
UMMAH

MELAKSANAKAN GERAKAN
ISLAH DAN DAKWAH
BERSEPADU

MENGUKUHKAN AKHLAK
DAN SAHSIAH ISLAM

MENGUKUHKAN AKIDAH
BERTERASKAN AHLI
SUNNAH
WAL-JAMA'AH

MENANGKIS PERSEPSI
NEGATIF TERHADAP
ISLAM

MEMANTAPKAN
INSTITUSI KELUARGA
ISLAM

MENYERAGAMKAN
PENDIDIKAN ISLAM

MEMANTAPKAN
PENGURUSAN HALAL

MEMANTAPKAN TADBIR
URUS AGENSI DAN
INSTITUSI ISLAM

MEMANFAATKAN
LEDAKAN TEKNOLOGI
INFORMASI DAN
KOMUNIKASI

ANALISIS SWOT

Bagi memastikan penyediaan Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan yang komprehensif, analisis SWOT dibuat bagi mengenalpasti Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman dalam pembangunan Modal Insan JAKIM. Hasil analisis SWOT adalah seperti berikut:

KEKUATAN

- Sumber perundangan yang jelas
- Stakeholder yang mantap
- Peranan sebagai Agensi Pusat
- Islam agama Negara
- Ilmu dan kemahiran dalam bidang
- Peruntukan kewangan yang mencukupi
- Sokongan Pengurusan tertinggi
- Jaringan dalam dan luar negara

KELEMAHAN

- Kekurangan Pegawai yang berkaliber
- Peluang kenaikan pangkat terhad
- Penempatan tidak mengikut kepakaran
- Latihan tidak mencukupi dan tidak pelbagai
- Jatidiri pegawai yang rendah
- Pelapis kepemimpinan tidak dibangunkan secara sistematik
- Tiada pengiktirafan kepakaran
- Penguasaan Bahasa Inggeris dan Arab

ANALISIS SWOT

PELUANG

- Melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi
- Menyumbang bakti kepada masyarakat
- Kursus dalam dan luar negara
- Penempatan di agensi
- Melaksana tugas peringkat kebangsaan dan antarabangsa

ANCAMAN

- Kehilangan kepakaran kerana pegawai menerima tawaran peluang kerja yang lebih baik di institusi lain seperti IPTA
- Pegawai hilang motivasi kerja
- Sikap negatif pegawai

BIDANG TERAS JABATAN

Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan Jakim ini juga turut mengambil kira keperluan Jabatan terhadap program pembangunan modal insan yang terancang, sistematik dan komprehensif. Ia adalah berdasarkan kepada Sembilan (9) Bidang Teras Perkhidmatan Hal Ehwal Islam yang menjelaskan fungsi dan tugas dalam Skim Perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Sembilan (9) Bidang Teras yang dikenalpasti ke arah membangunkan “pakar dalam bidang” berkaitan hal ehwal Islam ini adalah seperti berikut:



ANALISA KEPERLUAN

Keperluan membangunkan Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan JAKIM ini adalah berdasarkan kepada lima (5) cabaran berikut:

CABARAN PERTAMA

**KEPERLUAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN
MODAL INSAN YANG PROGRESIF DAN DINAMIK**



1. JAKIM perlu bertindak secara aktif bagi memperolehi modal insan yang mencukupi dan kompeten. Justeru, JAKIM memerlukan sistem pemilihan dan pengambilan, sistem data dan maklumat sumber manusia yang lengkap dan terkini. Hal ini adalah sangat penting dalam menyokong usaha JAKIM ke arah memantapkan pembangunan dan pengurusan organisasi selari dengan Teras Strategik 7 Pelan Strategik JAKIM (2015 – 2019).
2. Penempatan pegawai yang berkonsepkan *the right person for the right job* selaras dengan prinsip *al-Qawiyy al-Amin* adalah penting bagi memastikan semua pegawai JAKIM terus produktif dalam melaksanakan tugas harian mereka.
3. JAKIM hendaklah menyediakan peluang ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan dengan mengenal pasti keperluan kemahiran dan menyediakan latihan yang diperlukan bagi membolehkan warga JAKIM melaksanakan tugas dengan cekap dan efisien.
4. JAKIM perlu mendokong usaha kerajaan dalam membentuk sebuah perkhidmatan awam yang kejut (*lean civil service*) sejajar dengan matlamat Program Transformasi Kerajaan (GTP) ke arah sebuah perkhidmatan awam yang kejut dalam jangka masa panjang.

ANALISA KEPERLUAN

CABARAN KEDUA

KEPERLUAN MENINGKATKAN KUALITI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN



1. Beberapa isu telah dikenalpasti sebagai cabaran bagi JAKIM dalam usaha meningkatkan kualiti sistem penyampaian dan perkhidmatannya. Dalam usaha JAKIM ke arah untuk memenuhi kepuasan pemegang taruh, sistem dan prosedur yang tidak dinamik dikenalpasti sebagai cabaran kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan; seterusnya meningkatkan imej JAKIM dan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam.
2. Penambahbaikan terhadap prosedur kerja perlu dilakukan secara berterusan dan penghapusan sistem yang tidak lagi digunapakai adalah perlu bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam supaya rakyat boleh merasai akan perkhidmatan awam yang lebih bersifat mesra rakyat.

CABARAN KETIGA

KEPERLUAN MENINGKATKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN



1. Pengurusan latihan di JAKIM tidak dilaksanakan sepenuhnya mengikut garis panduan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 - Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 - Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam dan dasar-dasar perkhidmatan lain yang dikeluarkan oleh JPA.
2. Justeru itu, Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan ini menggariskan tentang keperluan latihan yang mengikut *Standard Operation Procedure (SOP)* yang ditetapkan dengan mengambil kira penetapan bidang teras utama Perkhidmatan Hal Ehwal Islam.

ANALISA KEPERLUAN

3. Selain daripada itu, JAKIM perlu memperkasakan modul latihan kepada Pegawai Hal Ehwal Islam selaras dengan keperluan semasa dan menyediakan peluang untuk mengikuti program dan kursus yang dilaksanakan oleh Pusat-pusat Latihan JAKIM, serta program dan kursus luar negara khususnya Kursus Khas PHEI yang pada masa kini dilaksanakan di London dan Mesir.
4. JAKIM juga perlu meneruskan program latihan kepada perunding latihan (TOT) bagi menyediakan pegawai yang serba boleh (multi-tasking), kompeten, berprestasi tinggi dan bertaraf global.

CABARAN KEEMPAT

KEPERLUAN MENINGKATKAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF



1. JAKIM perlu menyediakan persekitaran kerja yang kondusif bagi memastikan penghasilan produktiviti dan kualiti kerja warga JAKIM. Persekitaran yang kondusif termasuklah ruang kerja yang bersih, kemas dan teratur. Selain itu, hubungan baik antara semua pegawai JAKIM juga perlu diperkukuhkan bagi memastikan persekitaran kerja yang selesa.
2. Bagi memenuhi keperluan ini, JAKIM boleh mengambil inisiatif melaksanakan program Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) secara menyeluruh. Di samping itu, JAKIM juga perlu menganjurkan program-program yang bersesuaian bagi meningkatkan motivasi dan moral di samping memupuk semangat kerja berpasukan dan penghayatan nilai-nilai yang dikongsi bersama (shared values), menganjurkan aktiviti sosial dan riadah seperti Hari Keluarga dan Sambutan Hari Lahir serta mewujudkan kelab yang bersesuaian bagi membina dan memupuk hubungan baik antara pegawai JAKIM.

ANALISA KEPERLUAN

3. Di samping itu, kerjasama antara warga JAKIM di ibu pejabat dan pusat latihan serta JAKIM Cawangan Sabah dan JAKIM Cawangan Sarawak perlu dipertingkatkan dan diperkukuhkan bagi menyediakan medium perantara yang baik dalam pelbagai urusan yang berkaitan.

CABARAN KELIMA

KEPERLUAN MENINGKATKAN PENGHAYATAN BUDAYA ORGANISASI CEMERLANG




1. JAKIM juga perlu menerapkan nilai-nilai murni di kalangan pegawai bagi meningkatkan penghayatan budaya organisasi cemerlang di JAKIM. Budaya organisasi cemerlang ini hendaklah sentiasa selari dengan visi dan misi JAKIM itu sendiri agar semua pegawai dapat menjalankan tugas dengan lebih telus dan harmoni dalam membantu JAKIM mencapai visi dan misi tersebut.
2. Bagi tujuan ini, JAKIM perlu merangka program-program khusus yang dapat memastikan semua warga JAKIM menghayati, mengamalkan dan membudayakan amalan-amalan positif dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Usaha untuk membentuk budaya kerja cemerlang ini perlu dilaksanakan secara berterusan kerana memerlukan warga JAKIM memiliki komitmen, bersedia menerima perubahan dan mempunyai kesedaran untuk meningkatkan prestasi.
3. Melalui penerapan penghayatan budaya organisasi cemerlang ini, bukan sahaja dapat melahirkan pekerja yang mempunyai moral yang tinggi, berdisiplin, bermotivasi dan berintegriti, malah dapat meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap mutu perkhidmatan awam secara amnya.



جهاز كمالوان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BAB 3: **STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN**

PELAN TINDAKAN STRATEGIK
PEMBANGUNAN MODAL INSAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
2021 - 2025



TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK

TERAS STRATEGIK 1:

Memantapkan Hala Tuju Strategik Organisasi

Memantapkan Hala Tuju Strategik Organisasi melalui program yang melibatkan pemerkasaan organisasi, pemerkasaan perkhidmatan Hal Ehwal Islam (HEI), peningkatan jaringan kerjasama antara agensi, peningkatan budaya organisasi cemerlang serta pemerkasaan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi.

TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK

PELAN TINDAKAN STRATEGIK 1

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (IMPAK)	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Strategi 1: Memperkasakan organisasi	1. Melaksanakan Penyusunan Semula Organisasi Mengikut Keperluan Semasa	Kajian Penyusunan Semula Organisasi	1 kajian	2021-2025	BPSM
	2. Melaksanakan penempatan mengikut perjawatan sebenar dan keperluan	Bilangan mesyuarat penempatan	2 kali mesyuarat setahun	2021-2025	BPSM
Strategi 2: Memperkasakan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (HEI)	1. Menambahbaik Perkhidmatan Hal Ehwal Islam	- Kajian Fungsi Bidang Tugas Skim PHEI - Kajian / makmal penambahbaikan Perkhidmatan HEI (kepuasan kerja, kenaikan pangkat, penempatan dll) - Konvensyen HEI	1 Kajian 1 Kajian / Makmal 2 Konvensyen	2021-2025	BDKI
	2. Memperkasakan peranan Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	Bilangan mesyuarat MBJ	2 kali mesyuarat setahun	2021-2025	BPSM
Strategi 3: Meningkatkan jaringan kerjasama antara agensi	1. Meningkatkan Jaringan kerjasama dan perundingan strategik antara agensi	Bilangan Libat urus agensi	2 agensi setahun	2021-2025	BDKI Semua Bahagian
	2. Memantapkan Peranan dan Fungsi Pegawai Kader di Agensi/ Perkhidmatan Gunasama	- Bilangan Garis Panduan / Manual - Pangkalan Data Kader - Kajian Perjawatan Kader mengikut agensi	1 Garis Panduan / Manual 1 Pangkalan Data Kader 2 Agensi setahun	2021-2025	BDKI BPSM

TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (IMPAK)	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
	3. Melaksanakan Program Latihan secara strategik dengan agensi / institusi lain bagi memenuhi keperluan latihan berdasarkan Training Road Map (TRM) JAKIM	Bilangan program	3 program setahun	2021-2025	BPSM ILIM BDKI
Strategi 4: Meningkatkan Budaya Organisasi Cemerlang	1. Melaksanakan Program Pengukuhan Jabatan - Maqasid Syariah - Program Integriti - Penerapan Nilai-Nilai Islam - Pengukuhan Sahsiah Pegawai	Bilangan program	4 program setahun	2021-2025	BMS Unit Integriti Dakwah ILIM
	2. Melaksanakan Program Pengukuhan Kerja Berpasukan: - Team Building - Program Kualiti i. Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ii. Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) iii. Hari bersama pelanggan - Hari Keluarga	Bilangan program	5 program setahun	2021-2025	ILIM BKP BPSM Semua bahagian
	3. Melaksanakan Program Pengukuhan Semangat cintakan Jabatan - Perhimpunan bulanan - Penghargaan (Anugerah Pekerja Contoh Bulanan)	Bilangan program	12 program setahun	2021-2025	BKP BPSM
	4. Mengemaskini rekod perkhidmatan pegawai	Bilangan Program Hari	2 kali setahun	2021-2025	BPSM

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (IMPAK)	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
	- Buku Perkhidmatan - HRMIS	BPSM bersama pelanggan			
Strategi 5: Memperkasakan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi	1. Mewujudkan pangkalan data profiling PHEI yang komprehensif secara online - Biodata - Penempatan/ Laluan Kerjaya - SME - Fast Track - Latihan - Pelan Penggantian - Kader - Alumni - Anugerah/ Penghargaan	Rekod pangkalan data yang lengkap, kemaskini dan teratur	1 Pangkalan data yang komprehensif	2021-2025	BPSM BDKI BPM ILIM
	2. Menggiatkan penggunaan aplikasi HRMIS JAKIM secara menyeluruh	Rekod pangkalan data HRMIS JAKIM yang lengkap, kemaskini dan teratur	1 Rekod pangkalan data HRMIS JAKIM	2021-2025	BPSM BPM Semua Bahagian
	3. Memantapkan Penggunaan Digital Document Management System (DDMS)	Rekod pangkalan data DDMS yang lengkap, kemaskini, menyeluruh dan teratur	1 Rekod pangkalan data DDMS yang lengkap, kemaskini, menyeluruh dan teratur	2021-2025	BPSM Semua Bahagian
	4. Menaiktaraf Kemudahan ICT di seluruh PTJ, Pusat-Pusat Latihan dan Pusat-Pusat Akademik JAKIM - Capaian Internet - Kemudahan Peralatan ICT	- Kemudahan Capaian Internet (Wifi) yang berkualiti di setiap PTJ dan pusat - Kemudahan ICT yang lengkap di setiap PTJ dan pusat	1 Kemudahan Wifi di setiap PTJ dan Pusat Kemudahan ICT yang lengkap di setiap PTJ dan Pusat	2021-2025	BPM Semua PTJ Semua Pusat Akademik JAKIM

TERAS STRATEGIK 2: Mengoptimumkan Keupayaan Pembangunan Modal Insan

Mengoptimumkan Keupayaan Pembangunan Modal Insan melalui perancangan pemilihan dan pelantikan pegawai, program latihan yang komprehensif serta menerapkan pembangunan sahsiah dan sendiri, nilai prinsip kemanusiaan serta membina keperibadian yang dihormati bagi menyediakan modal insan yang terlatih dan profesional.

PELAN TINDAKAN STRATEGIK 2

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Strategi 1: Menyediakan perancangan pemilihan bagi pelantikan pegawai skim PHEI yang berkualiti	1. Melaksanakan Program Penilaian JAKIM (PPJ) • Penambahbaikan Modul Program Penilaian JAKIM (PPJ) • Pelaksanaan Program Penilaian JAKIM (PPJ)	Bilangan semakan modul Bilangan program	2 kali semakan dalam tempoh 5 tahun 2 kali program dalam tempoh 5 tahun* (berdasarkan kelulusan JPA)	2021-2025	BPSM BDKI ILIM

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Strategi 2: Menyediakan Perancangan Program Latihan Pegawai yang Komprehensif	1. Menambahbaik komponen (sahsiah, pengetahuan & kemahiran) dalam modul latihan kepada Pegawai Skim PHEI lantikan baharu: - Kursus Asas PHEI - Kursus Profesionalisme Kader PHEI (S19) - Kursus Sijil Pengurusan Islam (Gred S29) - Kursus Diploma Pengurusan Islam (Gred S41)	Bilangan semakan modul	1 kali semakan modul dalam tempoh 5 tahun	2021-2025	ILIM BDKI
	2. Melaksanakan program latihan kepada Pegawai Skim PHEI lantikan baharu: - Program Transformasi Minda (PTM) - Kursus Asas PHEI - Kursus Profesionalisme Kader PHEI (S19) - Kursus Sijil Pengurusan Islam (Gred S29) - Kursus Diploma Pengurusan Islam (Gred S41)	Bilangan program	1 program setahun (bergantung kepada pelantikan pegawai)	2021-2025	BPSM ILIM
	3. Membangunkan / Menyemak Modul Program Latihan Asas kepada Pegawai Lantikan Baharu Kontrak (fokus sahsiah, pengetahuan & kemahiran) - PMOA, PPMD, Penyelia KAFA, Guru KAFA, Tenaga Pengajar Pusat Akademik dan lain-lain.	Bilangan modul / semakan modul	2 modul setahun	2021-2025	ILIM Pendidikan Dakwah Pusat Akademik JAKIM

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
	4. Melaksanakan Program Latihan Asas kepada Pegawai Lantikan Baharu Kontrak - PMOA, PPMD, Penyelia KAFA, Guru KAFA, Tenaga Pengajar Pusat Akademik) dan lain-lain. • Program Transformasi Jati Diri • Kursus Asas Pendakwah • Kursus Asas Perguruan • Kursus Asas PMOA • Kursus Asas Pengurusan Masjid • Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran • Kursus Asas Pengurusan KAFA	Bilangan program	2 program setahun (bergantung pada pelantikan pegawai)	2021-2025	ILIM BDKI Pendidikan Dakwah Pusat Akademik JAKIM
	5. Membangun / menambahbaik Pelan Operasi Latihan (POL) kepada Pegawai PHEI JAKIM • Kumpulan P&P (41 – 48)	Bilangan semakan	1 kali semakan dalam tempoh 5 tahun	2021-2025	BPSM ILIM
	6. Membangunkan Pelan Operasi Latihan (POL) kepada Pegawai PHEI JAKIM • Kumpulan Pelaksana (19 – 40)	Bilangan Pelan	1 Pelan Operasi Latihan	2021-2025	BPSM ILIM
	7. Melaksanakan Pelan Operasi Latihan (POL) kepada Pegawai PHEI JAKIM/ Perkhidmatan Gunasama • Kumpulan P&P (41 – 52)	Bilangan Kursus Pelan Operasi Latihan & Bilangan Pegawai yang mengikuti Kursus Pelan Operasi Latihan	40 Kursus Setahun 1,200 orang pegawai P&P dan Pelaksana setahun	2021-2025	BPSM ILIM

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
	Kumpulan Pelaksana (19 – 40)				
	8. Melaksanakan program latihan pembangunan kompetensi pegawai - Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam di Luar Negara - Coaching and Mentoring - Latihan Sangkutan (Attachment)	Bilangan pegawai yang mengikuti kursus	30 orang pegawai dalam tempoh 5 tahun	2021-2025	ILIM BPSM
	9. Melaksanakan program latihan digital / menghantar pegawai ke program latihan digital.	Bilangan program latihan	4 kali setahun	2021-2025	ILIM BPM
	10. Menggalakkan Program Latihan Secara Online - Kursus-kursus Secara Online - ePSA (e-Pembelajaran Sektor Awam)	Bilangan kursus online yang ditawarkan Bilangan pegawai yang mengikuti kursus online	10 Kursus setahun 300 orang pegawai setahun	2021-2025	ILIM
	11. Melaksanakan Program pembelajaran sepanjang hayat - Kursus Tafaqquh Fiddin - Klinik Hukum - Bedah Buku - e-KAFA - Klinik Bacaan Undang-undang - Diskusi Isu-Isu Semasa (liberalisme, ekstremisme, jihad, hak asasi manusia, maqasid syariah)	Bilangan program	20 kursus setahun	2021-2025	ILIM Penyelidikan Pendidikan BPPPS KSK Dakwah BMS

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Strategi 3: Menyediakan perancangan Pembangunan Sahsiah dan Kendiri	1. Melaksanakan Program Motivasi dan Pembangunan Sahsiah • Kursus Pengurusan Stres dan Emosi • Kursus Pengurusan Konflik • Kaunseling dan Pengurusan Psikologi • Pembimbing Rakan Sejawatan (PRS) • Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB), JPA	Bilangan program	6 kursus setahun	2021-2025	BPSM Pusat Latihan ILIM
	2. Menyemak dan Menambahbaik Modul Program Bantuan Kendiri • Tahap 1-Manhaj Taffhis • Tahap 2- Manhaj Ilaj • Tahap 3- Manhaj Islah • Tahap 4- Manhaj Tanmiyyah	Bilangan semakan	2 kali semakan dalam tempoh 5 tahun	2021-2025	ILIM BPSM BDKI
	3. Melaksanakan Program Bantuan Kendiri • Tahap 1-Manhaj Taffhis • Tahap 2- Manhaj Ilaj • Tahap 3- Manhaj Islah • Tahap 4- Manhaj Tanmiyyah	Bilangan program	4 Kursus setahun	2021-2025	BPSM ILIM BDKI
	4. Menggalakkan Program Gaya Hidup Sihat di kalangan Warga Kerja JAKIM • Program Kecergasan Jabatan	Bilangan program	12 Program setahun	2021-2025	BPSM

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
	5. Melaksanakan Program Penghayatan Kerohanian di kalangan warga kerja JAKIM - Bacaan Al Quran 15 minit setiap pagi di setiap bahagian - Bacaan Doa Pagi - Tazkirah Ringkas - Solat Berjemaah	Bilangan program	2 program dilaksanakan setiap hari sepanjang tahun	2021-2025	Semua bahagian UKK

TERAS STRATEGIK 3:

Memperkasakan Program Pembangunan Kerjaya

Memperkasakan Program Pembangunan Kerjaya melalui perancangan laluan kerjaya dan pembangunan kepakaran mengikut bidang teras Jabatan

PELAN TINDAKAN STRATEGIK 3

PELAN TINDAKAN	PROGRAM / INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
Strategi 1: Melaksanakan Perancangan Laluan Kerjaya Pegawai	1. Menyediakan Garis Panduan laluan kerjaya PHEI (SME dan Fast Track)	Bilangan Garis Panduan	2 Garis Panduan	2021-2025	BDKI BPSM ILIM
	2. Melaksanakan Pusingan Kerja (<i>Job Rotation</i>) pegawai dalam tempoh 3-5 tahun	Bilangan pegawai terlibat dengan <i>Job rotation</i>	70% pegawai yang berkhidmat dalam tempoh 3-5 tahun	2021-2025	BPSM

PELAN TINDAKAN	PROGRAM / INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
	3. Menyemak dan mengemaskini kaedah penilaian bagi tujuan kenaikan pangkat PHEI	Bilangan semakan	1 kali semakan dalam masa 5 tahun	2021-2025	BPSM
	4. Melaksanakan kenaikan pangkat pegawai mengikut kekananan dan kompetensi	Pegawai mendapat kenaikan pangkat	100% gred kenaikan pangkat diisi	2021-2025	BPSM
	5. Menyediakan Laluan Kerjaya pegawai berdasarkan: • Pengurusan Bakat • SME • Fast Track	Perjawatan mengikut bidang kepakaran (KUP), SME dan Fast Track diwujudkan	10 perjawatan dalam tempoh 5 tahun	2021-2025	BDKI BPSM
	6. Melaksanakan Laluan Kerjaya pegawai berdasarkan: • Pengurusan Bakat • SME • Fast Track	Pengisian Jawatan mengikut bidang kepakaran (KUP), SME dan Fast Track	100% pengisian jawatan mengikut bidang kepakaran, SME dan Fast Track	2021-2025	BPSM
Strategi 2: Membangunkan kepakaran PHEI Mengikut Bidang Teras Jabatan a. Al-Quran dan Al-Sunnah, b. Akidah dan Aliran Pemikiran, c. Dakwah dan Pembangunan Insan	1. Merancang dan melaksanakan pemilihan PHEI yang berpotensi untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi	Bilangan pegawai melanjutkan pengajian	12 orang pegawai setahun (mengikut kouta/ kelayakan)	2021-2025	BDKI
	2. Melaksanakan Program sangkutan (attachment) PHEI	Bilangan pegawai	2 pegawai setahun	2021-2025	BDKI BPSM

PELAN TINDAKAN	PROGRAM / INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
d. Perundangan Islam, e. Tarbiyyah dan Tadribiyah Islamiah, f. Kewangan dan Ekonomi Islam, g. Pengurusan Halal, h. Penyelidikan dan Pembangunan, i. Pengurusan Siasah Syariah,	3. Mempromosi dan mengoptimumkan kepakaran pegawai dalam bidang teras Jabatan - Pembentangan kertas kerja - Penulisan Artikel diterbitkan di akhbar - Penerbitan buku	Bilangan Pembentangan Bilangan penerbitan artikel Bilangan penerbitan buku	3 kali setahun 12 artikel setahun 3 buku dalam tempoh 5 tahun	2021-2025	Penerbitan BPP ILIM BKP (PRO) BPM
	4. Kajian semula bidang teras Perkhidmatan Hal Ehwal Islam	Bilangan kajian	1 kajian dalam tempoh 5 tahun	2021-2025	BDKI

TERAS STRATEGIK 4:

Memantapkan Kompetensi Kepemimpinan Organisasi

Memantapkan Kompetensi Kepemimpinan Organisasi melalui pemantapan Program Pelan Penggantian dan program kepemimpinan.

PELAN TINDAKAN STRATEGIK 4

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Strategi 1: Memantapkan Program Pelan Penggantian	1. Menyemak dan menambahbaik Pelan Penggantian bagi jawatan-jawatan Utama/ Strategik	Bilangan Semakan	1 kali semakan dalam tempoh 5 tahun	2021-2025	BPSM BDKI ILIM
	2. Melaksanakan Program Latihan Khas kepada pegawai yang dikenal pasti untuk mengisi Jawatan-jawatan Utama/ Strategik	Bilangan Program	2 kali setahun	2021-2025	ILIM BPSM

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
	3. Melaksanakan Program Latihan kepada pegawai yang berpotensi untuk mengikuti laluan Fast-Track	Bilangan Program	2 kali setahun	2021-2025	ILIM
Strategi 2: Memperkuh Program Kepemimpinan	1. Menambahbaik Modul Program Latihan Kepemimpinan kepada PHEI	Bilangan Semakan	1 kali semakan dalam tempoh 5 tahun	2021-2025	ILIM
	2. Melaksanakan Program Latihan Kepemimpinan kepada PHEI mengikut gred Jawatan berdasarkan kepada Training Road Map (TRM) JAKIM • Kumpulan Pelaksana • Kumpulan Pengurusan dan Profesional • Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Bilangan Program	3 kali setahun	2021-2025	BPSM ILIM Pusat latihan Jakim

TERAS STRATEGIK 5: Membudayakan Program Pengiktirafan dan Penghargaan

Membudayakan program pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang dan memberi sumbangan kepada Jabatan dan Negara sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

PELAN TINDAKAN STRATEGIK 5

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Strategi 1: Memantapkan Program Penghargaan dan Pengiktirafan kepada Pegawai dalam Perkhidmatan	1. Menyemak dan menambah baik Kriteria Pemilihan pegawai bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Penghargaan Jabatan	Bilangan semakan	1 kali semakan dalam tempoh 5 tahun	2021-2025	BPSM
	2. Menambah kuota calon pegawai dan kakitangan untuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Penghargaan Jabatan	Peningkatan peratus Kuota calon	5% dalam tempoh 5 tahun	2021-2025	BPSM

PELAN TINDAKAN	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
	3. Mencalonkan Pegawai untuk menerima Anugerah (Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan) peringkat Persekutuan atau Negeri:	Bilangan calon	12 calon setahun	2021-2025	BPSM Semua Bahagian
	4. Memberi Penghargaan Khas kepada Pegawai yang telah memberi sumbangan dan kepakaran dalam dan luar negara.	Bilangan Pegawai mendapat penghargaan	3 orang pegawai setahun	2021-2025	Semua Bahagian BPSM
	5. Memberi Penghargaan kepada pegawai yang memberi sumbangan kemasyarakatan dalam dan luar negara	Bilangan Pegawai mendapat penghargaan	2 orang pegawai setahun	2021-2025	Semua Bahagian BPSM
	6. Memberi Penghargaan kepada pegawai cemerlang secara bulanan	Bilangan Pegawai mendapat penghargaan	12 orang pegawai setahun	2021-2025	BPSM Semua Bahagian
	7. Memberi Penghargaan khas kepada pegawai yang telah berkhidmat selama : • 25 Tahun • 30 Tahun • 35 Tahun • 40 Tahun	Bilangan Pegawai mendapat penghargaan	10 orang pegawai setahun (Bergantung kepada bilangan pegawai yang terlibat)	2021-2025	BPSM
	8. Memberi latihan Pra-persaraan kepada pegawai yang akan bersara	Bilangan latihan	1 kali latihan setahun	2021-2025	BPSM ILIM
Strategi 2: Memantapkan Program Penghargaan dan Pengiktirafan kepada Pegawai yang telah bersara	1. Memberi Penghargaan kepada pegawai yang telah bersara	Pegawai mendapat penghargaan	2 orang pegawai setahun (Bergantung kepada bilangan pegawai yang bersara pada tahun tersebut)	2021-2025	BPSM ILIM



جَابَاتُنْ كَمَاكُؤَانْ اِسْلَامْ مَلِيسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BAB 4: ***IMPLEMENTASI*** ***KE ARAH*** ***KEJAYAAN***

PELAN TINDAKAN STRATEGIK
PEMBANGUNAN MODAL INSAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
2021 - 2025



MEKANISME PELAKSANAAN

Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan JAKIM 2021 - 2025 ini merupakan rujukan utama Jabatan berkaitan program pembangunan modal insan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Berdasarkan strategi yang dinyatakan, setiap Bahagian yang berkaitan hendaklah melaksanakan semua program berdasarkan bidang tugas masing-masing mengikut indikator dan tempoh sasaran seperti yang ditentukan.

Bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan JAKIM ini, satu Jawatankuasa akan ditubuhkan iaitu **Jawatankuasa Pelaksana Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan JAKIM**.

Jawatankuasa ini adalah jawatankuasa peringkat Jabatan yang dipengerusikan oleh **Timbalan Ketua Pengarah Dasar dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pengarah-pengarah Bahagian dan pegawai penyelarasan di Bahagian yang berkaitan**.

Keanggotaan Jawatankuasa Pelaksana Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan JAKIM ini adalah seperti berikut:

MEKANISME PELAKSANAAN

KEANGGOTAAN JAWATANKUASA PELAKSANA PELAN TINDAKAN STRATEGIK PEMBANGUNAN MODAL INSAN JAKIM		
Bil	Keahlian Jawatankuasa	Senarai Ahli Jawatankuasa
1.	Pengerusi:	Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
2.	Timbalan Pengerusi:	Pengarah Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI)
3.	Setiausaha:	Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI)
4.	Ahli:	i. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia ii. Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) iii. Bahagian Pendidikan iv. Bahagian Maqasid v. Unit Integriti vi. Bahagian Khidmat Pengurusan vii. Unit Komunikasi Korporat viii. Bahagian Penerbitan ix. Semua Pemberi Pendidikan Tinggi JAKIM x. Bahagian-bahagian lain yang berkaitan

Pelaporan pelaksanaan program kepada Jawatankuasa Pelaksana Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan JAKIM adalah sebanyak dua (2) kali setahun iaitu pada bulan April dan Oktober.

Pencapaian keseluruhan pelaksanaan pelan akan **dilaporkan pula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia (PSM)** yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM dan diurusetikan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), JAKIM.

Bagi memastikan segala perancangan yang dibuat sentiasa kemaskini, semakan dan kajian semula dokumen ini akan dilaksanakan pada tahun 2023. Kajian ini bertujuan untuk menilai dan menentukan keberkesanan pelaksanaan strategi, program dan tahap pencapaian sasaran berdasarkan objektif ditetapkan. Ia turut mengambilkira senario baharu perubahan persekitaran dan tumpuan strategik di JAKIM.

Secara ringkasnya, Mekanisme Pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan JAKIM 2021-2025 adalah seperti berikut:



TANGGUNGJAWAB

Tanggungjawab pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan ini adalah seperti berikut:

1. **Ketua Pengarah** – pemimpin dan penggerak wawasan, misi dan hala tuju strategik JAKIM, meneroka keperluan-keperluan modal insan masa hadapan, dan memberikan komitmen, sokongan dan galakan kepada pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan;
2. **Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah-Pengarah** – memastikan pelaksanaan Pelan Strategik Pembangunan Modal Insan di bahagian, institusi dan sektor masing-masing, mengenal pasti bakat dan keperluan latihan profesional, mengenal pasti dan memanfaatkan peluang-peluang pembangunan modal insan dan peluang-peluang peningkatan kerjaya, dan memanfaatkan seoptimumnya pelan tindakan dan inisiatif yang disediakan menerusi Pelan Tindakan Strategik ini;
3. **Warga Kerja JAKIM (Pengurusan & Profesional)** – mengenal pasti keperluan-keperluan peningkatan profesionalisme yang selaras dengan tugas dan jawatan, mengenal pasti keutamaan-keutamaan pembelajaran, dan memanfaatkan seoptimumnya peluang, pelan dan inisiatif yang disediakan menerusi Pelan Strategik Pembangunan Modal Insan serta peluang-peluang lain yang dapat membantu meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kerja serta dapat memajukan kerjaya masing-masing.

4. **Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI) JAKIM** – menerajui, merencana dan melaksana Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan dalam kerangka pelan strategik jabatan dan keperluan kerjaya warga kerja JAKIM, dan memberikan khidmat nasihat dan runding cara berkenaan pelaksanaan agenda ini di segenap peringkat dalam organisasi JAKIM.

Seiring dengan komitmen organisasi, kejayaan Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan JAKIM juga menuntut komitmen setiap individu tenaga kerja profesional di setiap peringkat. Setiap individu mesti menerima agenda ini sebagai agenda pembangunan dirinya.


Dengan demikian, pemimpin di segenap peringkat organisasi bertanggungjawab membina keyakinan setiap anggota pimpinannya kepada agenda ini menerusi penataran maklumat dan pengutipan maklum balas secara berkala, serta mendorong dan membimbing mereka dalam mengembangkan keupayaan dan kebolehan. Setiap tenaga kerja profesional mesti dibimbing supaya sentiasa memfokus kepada pembangunan kompetensi dan peningkatan kualiti hasil kerja sebagai saluran yang akan memajukan kerjaya mereka.



إتقان كمالهوان إسلام مللسلأ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BAB 5: PENUTUP

PELAN TINDAKAN STRATEGIK
PEMBANGUNAN MODAL INSAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
2021 - 2025



PENUTUP

Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan 2021-2025 ini menggariskan teras, strategi dan program ke arah mencapai matlamat strategik pembangunan modal insan JAKIM dalam tempoh lima tahun. Pelan ini juga telah mengenalpasti cabaran semasa dalam pembangunan modal insan menyusun perancangan yang lebih sistematik dalam merealisasikan pembangunan modal insan yang profesional, kompeten dan berdaya saing serta mendukung visi dan misi JAKIM.

Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Modal Insan ini adalah pelengkap kepada Pelan Strategik JAKIM. Ia juga menunjukkan komitmen JAKIM untuk membangunkan sumber manusia yang berkelayakan, berkebolehan, berkompotensi, mengamalkan nilai-nilai murni dan mempamerkan sikap-sikap positif selaras dengan matlamat Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

Kesimpulannya, Pelan Strategik ini menunjukkan bahawa kepimpinan JAKIM sentiasa melaksanakan inisiatif yang terancang, tersusun dan terfokus dalam mengatur pembangunan modal insan JAKIM. Pembangunan modal insan yang profesional dan mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi ini akan menjamin kecemerlangan JAKIM sebagai agensi pusat yang unggul dalam penyelarasan pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia.



جَابَاتُونِ كَمَاجُوانِ اِسْلَامِ مالِيسِيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**Bahagian Dasar Kemajuan Islam,
JAKIM,**

**Aras 6, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya,
Presint 3, 62100, Putrajaya.
<http://www.islam.gov.my>**